

Perkasa wakaf jadi ejen banteras kemiskinan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI**

hafizyusoff@mediamula.com.my


KUALA LUMPUR: Institusi wakaf perlu memainkan peranan dan menjadi platform dalam membantu rakyat keluar daripada kemiskinan menerusi pelaksanaan program sosioekonomi komuniti, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, menyedari kepentingan institusi berkenaan, wakaf telah dijadikan sebahagian daripada kerangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menerusi Fokus Kelima dan Keenam rancangan pembangunan lima tahun itu.

Sehubungan itu juga, kata Perdana Menteri, kerajaan sedang merangka Pelan Induk Wakaf Nasional sebagai pelan holistik untuk memperkasa pengurusan wakaf di negara ini.

Kata beliau, ia adalah selaras dengan usaha mempelbagaikan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti bumiputera.

“Oleh kerana keupayaan konsep wakaf yang mampu melonjakkan ekonomi masyarakat dan negara, kerajaan terus mengangkat wakaf sebagai agenda nasional,” katanya dalam ucapan sempena Majlis Pelancaran Waqaf Felda,



ISMAIL Sabri Yaakob bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Idris Ahmad (dua dari kiri), Pengerusi Felda, Datuk Seri Idris Jusoh (dua dari kanan) dan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (kiri) ketika melancarkan Waqaf Felda di Menara Felda, Kuala Lumpur, semalam.

di sini semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, penubuhan Waqaf Felda adalah menyokong pembentukan model perniagaan baharu, menyemai benih keberkatan, menyuburkan kebajikan dan sumbangan kepada komuniti serta mengukuhkan kelestarian Felda.

“Waqaf Felda akan melaburkan semula sebahagian keun-

tungan pelaburan awal yang disumbangkan oleh Felda sendiri dan agensi seperti FGV Holdings Berhad, Koperasi Permodalan Felda dan MSM Holdings Berhad serta beberapa agensi berkaitan Felda lain.

“Ini membolehkan Waqaf Felda bergerak dengan lebih mampan dan memberi manfaat kepada lebih ramai warga yang memerlukan,” jelasnya.

Tambah beliau, sebanyak 30 peratus keuntungan yang diperoleh Waqaf Felda diperuntukkan kepada kebajikan, lima peratus disalurkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan manakala selebihnya dilabur semula.

Dengan tadbir urus mantap, Waqaf Felda disasar menguruskan aset sehingga RM500 juta menjelang tahun 2030.

Media: Utusan Malaysia

Date: 13 November 2021